

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO	
TARIKH	:	13/1/2020	MUKA SURAT : 9
JABATAN	:	JKPTG	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

SUSULAN ASET RM70 BILION TAK BERTUAN

Waris tidak faham

Oleh Amir Abd Hamid dan Sri Ayu Kartika Amri
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Waris tidak menahani proses perngurusan dan tuntutan yang perlu dilakukan selepas kematian pemilik harta antara sebab utama nilai harta pusaka tidak dituntut mencecah sehingga RM70 bilion.

Perunding pusaka, wasiat dan hibah, Azrin Sabirin berkata, kebanyakan waris tidak tahu proses sebenar yang perlu dilalui untuk melakukan tuntutan harta pusaka contohnya agensi kerajaan yang harus dituju, dokumen yang perlu disediakan serta kos dalam proses tuntutan.

Beliau yang berpengalaman 18 tahun dalam industri perwarisan harta pusaka berkata, ada juga waris tidak ambil peduli mengenai harta pusaka ditinggalkan kerana nilainya tidak signifikan.

"Ini berlaku apabila nilai harta pusaka ditinggalkan

tidak signifikan kerana terlah rendah seterusnya waris menganggap proses perlu dilalui tidak setimpal dengan nilai yang ingin dituntut.

"Permasalahan pusaka juga berlaku sebab waris tidak faham hak mengikut hukum faraid.

"Kebanyakan waris tidak tahu formula pengagihan yang sudah ditetapkan mengikut hukum faraid kerana ilmu ini paling kurang diberi perhatian dalam kalangan masyarakat Islam khususnya orang Melayu," katanya. Beliau mengulas laporan muka depan Metro Ahad, semalam mengenai pusaka majoritinya membolehkan milik orang Melayu yang gagal dicairkan membolehkan harta bernilai RM70 bilion.

Azrin berkata, faktor lain berlakunya keadaan itu adalah fi pengurusan harta pusaka yang mahal dikenakan kepada waris ingin melantik pihak ketiga untuk menguruskan harta pusaka si mati.

"Fi pengurusan oleh firma guaman atau syarikat amanah di Malaysia adalah ber-



PERLAKU ADA BAHU KESEDARAN SIAPA HARTA PUSAKA BERKAITAN DAN WARIS MEMERINTA MELAKUKAN KEPERLUAN.

HARTA RM70 BILION TERGANTUNG

Pusaka orang Melayu gagal dicairkan akibat perbalahan sesama waris

Oleh Eklwan Haque
Fazlul Haque
ekw@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bergaduh sesama waris, karang kesediaan berunding dan sikap ambil nambr RM70 bilion nilai harta pusaka dengan masalah di negara ini tidak di-

Apabila pemilik memngot danda, timbul masalah jika pewaris mengambili peranan pengurusan harta pusaka sehingga ada yang tidak dituntut."

Azrin Zulkarna LAPORAN Metro Ahad, semalam.

dasarakan nilai harta pusaka ditinggalkan dan fi dianggap membebaskan waris kerana waris perlu menanggung fi itu.

"Justeru, masyarakat Islam di Malaysia khususnya perlu mempunyai kesedaran tinggi bagi memastikan harta ditinggalkan kelak tidak akan membebaskan waris dari sudut kos dan proses.

"Seterusnya harta pusaka ini dapat dicairkan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi orang Islam sendiri," katanya.

Panel penasihat e-wasiat Warkah Akhir Services Sdn Bhd, Asyraf Ismail berkata, kebalikan berwasiat antaranya untuk menyelesaikan isu berkenaan dengan harta yang tidak dapat dituntut atau harta yang tidak diselesaikan oleh waris termasuk hutang.

"Merujuk keadaan semasa sehingga ada RM70 bilion harta pusaka atau harta beku kerana tidak diselesaikan faraid dan sebagainya, maka walaupun pada asal hukum di-

galakkan sunat muakad, tetapi kerajaan boleh pertimbangkan untuk mencari jalan mewajibkannya.

"Ini kerana kedudukan ini sudah sampai kepada keadaan yang sangat berat.

"Masyarakat Islam perlu diberi kesedaran bersungguh-sungguh mengenai kepentingan pengurusan harta pusaka dan wasiat," katanya yang juga Pegawai Tadbir Agama Daerah Ipoh, Perak.



AZRIN